

26 JUN 1998

Gerakan-Resolusi

UMUMKAN NAMA SYARIKAT SEBELUM KEPUTUSAN DIBUAT

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Pemuda Gerakan hari ini mencadangkan agar maklumat mengenai syarikat yang membuat penawaran bagi mendapatkan sesuatu projek penswastaan diumumkan sebelum keputusan dibuat mengenainya.

Dalam resolusinya pada persidangan ke 11 pergerakan itu hari ini, para perwakilan berpendapat cara itu akan dapat mengelak tuduhan nepotisme dan kronisme serta memastikan ketelusan.

Mereka turut menyambut baik tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno minggu lepas, mengedar senarai syarikat serta orang perseorangan yang menerima projek penswastaan dan pembahagian saham.

Perkara itu terkandung dalam 12 resolusi yang diluluskan sebulat suara oleh lebih 350 anggota perwakilan yang menghadiri persidangan kali itu yang dirasmikan oleh Timbalan Presiden Gerakan Datuk Kerk Choo Ting di Wisma PGRM di sini pagi ini.

Mereka turut menyeru kerajaan mengawal dan menyelia perkhidmatan syarikat utiliti awam melalui agensi kawal selia agar syarikat-syarikat yang mengendalikan penswastaan utiliti awam ini menjalankan tugas dengan tanggungjawab, berkesan dan memenuhi objektif asal penswastaan.

Perwakilan yang membincangkan soal penswastaan secara panjang lebar turut mendesak kerajaan menunda semua projek penswastaan utiliti awam hingga kegawatan ekonomi diatasi.

Mereka menyokong penubuhan syarikat pengurusan aset, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, bagi mengambil alih hutang tak berbayar (NPL) institusi kewangan dan menyeru kerajaan menerima cadangan Gerakan agar satu badan audit antarabangsa dilantik bagi memastikan ketelusan.

Ketua Pemuda Gerakan Datuk Chang Ko Youn berkata perwakilan telah mendebatkan pelbagai isu terutamanya ekonomi dengan panjang lebar dengan majoriti mereka menggunakan bahasa Melayu.

Persidangan Wanita Gerakan yang turut berlangsung hari ini, meluluskan usul ekonomi, politik dan pendidikan yang mahu supaya syarikat pengurusan aset diuruskan oleh pasukan yang benar-benar profesional.

Ketuanya Datuk Kee Phaik Cheen berkata, ini akan memastikan Danaharta akan menjadi syarikat yang telus dan tidak melibatkan pengaruh politik dalam membuat keputusan.

Mengenai pendidikan, Wanita Gerakan mahu kerajaan mengawasi mutu pendidikan di institusi pengajian tinggi dan yurannya pula tidak dinaikkan sewenang-wenangnya.

Dalam usul politik, Wanita Gerakan menyatakan sokongan terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sambil meminta semua rakyat mengekalkan keharmonian dan perpaduan untuk memastikan kestabilan politik.

Esok, Dr Mahathir dijadual merasmikan perhimpunan agung Gerakan yang akan dihadiri lebih 2,000 anggota perwakilan.

Memandangkan tahun ini bukan tahun pemilihan pucuk pimpinan parti, pemerhati menjangka tumpuan akan diberi kepada isu-isu ekonomi.

-- BERNAMA

RV MAI